17 Murid-murid tahun enam akan _____ percubaan UPSR pada hujung bulan nanti.

A terduduk
B menduduki
C kedudukan
D mendudukkan

Soalan 18 *berdasarkan gambar di bawah.*



18 Emak _____ gula dalam kopi panas itu supaya larut.

A dikacau
B pengacau
C kekacauan
D mengacaukan

19 Murid-murid dikehendaki membuat _____ berdasarkan cerita yang dibaca.

A kesimpulan
B menyimpul
C bersimpul
D simpulan

20 _____ yang dibuat oleh Ravindra itu memuaskan hati kedua-dua ibu bapanya.

A Penjelas
B Dijelaskan
C Penjelasan
D Menjelaskan

21 Doktor Loo sedang membuat _____ ke atas pesakit itu.

A pemeriksa
B memeriksa
C peperiksaan
D pemeriksaan

22 Semalam merupakan hari _____ am sempena Hari Kebangsaan.

A terlepas
B berlepas
C kelepasan
D melepaskan

23 Kami telah menemui spesies tumbuhan yang baru di kawasan _____ itu.

A pedalaman
B mendalami
C pendalaman
D mendalamkan

24 Puan Ratna telah _____ seorang cahaya mata perempuan pada pagi tadi.

A kurniaan
B dikurniakan
C pengurniaan
D mengurniakan

25 Pihak polis telah mengeluarkan _____ mengenai kejadian rompakan semalam.

A penyata
B ternyata
C kenyataan
D menyatakan

Scanned with CamScanner
LIVEWORKSHEETS